

DATE: 13/02/2008

# Islam Hadhari dasar maju wilayah, koridor ekonomi

BH-13/2/2008

## PM mahu pembangunan, kekayaan dinikmati rakyat sama rata

Oleh Saufi Hamzah

**B**ANGI: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, konsep Islam Hadhari dan penerapannya akan menjadi dasar dalam membangunkan wilayah dan koridor pembangunan ekonomi di seluruh negara bagi membolehkan rakyat menikmati limpahan kekayaan dengan sama rata.

Perdana Menteri berkata, konsep Islam Hadhari akan memastikan semua matlamat untuk melihat rakyat pelbagai peringkat meraih keuntungan daripada pembangunan wilayah ekonomi mencapai sasaran menerusi pelbagai rancangan yang ditetapkan kerajaan.

"Semua ini (10 Prinsip Islam Hadhari) ada dalam al-Quran dan ini bukan benda baru, bukan mazhab baru, bukan ajaran baru, tetapi semuanya ada dalam al-Quran, cukup memadai dijadikan panduan dalam pembangunan ekonomi negara.

"Ia tidak akan ditentang oleh mana-mana pihak kerana prinsip Islam

Hadhari diterima semua pihak yang terbukti dapat menyatupadukan rakyat dan mengurangkan pertelingkahan," katanya ketika berucap melancarkan Institut Islam Hadhari, Kursi Syeikh Abdullah Fahim, buku *Biografi Tun Abdullah Salleh* dan Kompleks Tun Abdullah Mohd Salleh di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, petang semalam.

Hadir sama, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed,

**"Ia tidak akan ditentang oleh mana-mana pihak kerana prinsip Islam Hadhari diterima semua pihak..."**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Mohd Zin; Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin dan Pengarah Institut Islam Hadhari UKM, Prof Dr Mohd Yusof Othman.

Pada majlis itu, Mustapa mewakili kerajaan menyerahkan cek RM5 juta untuk Institut Islam Hadhari kepada Sharifah Hapsah.

Perdana Menteri berkata, prinsip Islam Hadhari tidak terpesong atau lari daripada landasan ajaran Islam dan beliau sangat gembira kerana konsep itu digabungkan dengan misi nasional yang disasarkan.

Selain itu, katanya, konsep Islam Hadhari kini bukan saja diterima rakyat Malaysia, malah diperakui dan diterima masyarakat antarabangsa, termasuk bukan Islam.

Abdullah berkata, jika dulu kawasan Pantai Barat lebih maju daripada Pantai Timur, tetapi kini keseimbangan sedang diusahakan bagi membolehkan rakyat jelata berkongsi kekayaan yang dihasilkan menerusi pelbagai kegiatan ekonomi.

Mengenai Institut Islam Hadhari UKM yang ditubuhkan pada 10 Mei tahun lalu, Perdana Menteri berkata, kerajaan memuji penubuhan institut berkenaan iaitu yang pertama seumpamanya di negara ini.

Katanya, beliau turut berharap pelancaran Kursi Syeikh Abdullah Fahim, yang juga datuknya dapat menarik minat cerdik pandai dalam dan luar negara untuk mengadakan perbincangan dan diskusi mengenai ketamadunan Islam dan sekali gus mewujudkan suasana pemikiran kepemimpinan yang berkualiti tinggi.

Sementara itu, beliau secara peribadi menyanjung tinggi jasa dan pengorbanan Allahyarham Abdullah Mohd Salleh yang pernah menjadi Ketua Setiausaha Negara dan Pengerusi Eksekutif Petronas ketika zaman Tun Hussein Onn.

"Saya juga berharap buku *Biografi Tun Abdullah Mohd Salleh* akan dimanfaatkan semua peringkat pembaca kerana banyak pengalaman beliau dibukukan dan dapat dijadikan panduan," katanya.